

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Deposit Tetap Mata Wang Asing” (“Promosi”) oleh Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) bermula pada 11 Mac 2019 dan berakhir pada 30 Jun 2019, , termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai saiz dana **Ringgit Malaysia Dua Ratus Juta (RM200 Juta)** (“Had Saiz Dana”) mengikut mana yang terdahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun yang baru bagi Akaun Deposit Tetap Mata Wang Asing Hong Leong sepertimana ditakrif menurut Fasal 3 di bawah (“Akaun FCY FD”) sertaan berikut yang merupakan individu atau bukan individu warga Malaysia dan individu atau bukan individu bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
 - (i) Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Akaun FCY FD sertaan dengan HLB sebelum Tempoh Promosi iaitu jika Pelanggan mempunyai Akaun FCY FD USD sebelum Tempoh Promosi, Pelanggan tidak layak menikmati kadar faedah Promosi FCY FD USD. Bagaimanapun, Pelanggan layak menikmati kadar faedah Promosi FCY FD sertaan yang lain.
 - (ii) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **tidak termasuk syarikat dan badan korporat**.
3. Akaun FCY FD sertaan untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
 - (a) Akaun FCY FD USD
 - (b) Akaun FCY FD AUD;
 - (c) Akaun FCY FD GBP; dan
 - (d) Akaun FCY FD HKD
4. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
 - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FCY FD yang baru dimiliki oleh Pelanggan dan dibuka dengan HLB. Untuk tujuan ini, dana baru mesti diletakan dan didepositkan ke dalam Akaun FCY FD yang baru Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari pemindahan ke HLB / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”); dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana Akaun Semasa Mata Wang Asing (“FCA”) HLB Pelanggan.
5. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
 - (a) FCY FD / FD / FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD / FD-i dari mana-mana akaun FCY FD / FD HLB / FD-i HLISB yang sedia ada;
 - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB / HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FCA, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
6. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa penipuan atau kesalahan berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB / HLISB atau telah diisytiharkan mufliis atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
7. Pelanggan yang telah melakukan, atau dikenalpasti oleh HLB / HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat ini akan serta-merta terlucah kelayakan daripada menyertai Promosi ini.

KAEDAH PROMOSI

8. Pelanggan yang telah membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan FCY FD Minimum dan Amaun Peletakan FCY FD Maksimum (“Amaun Peletakan FCY FD”) seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah dalam Akaun FCY FD yang baru masing-masing bagi tempoh FCY FD yang dinyatakan di bawah akan menikmati kadar faedah promosi seperti berikut (“Pelanggan Layak”):-

Jenis Mata Wang FCY FD	Tempoh FCY FD	Kadar Faedah Promosi FD / FD-i	Amaun Peletakan FD / FD-i Minimum	Amaun Peletakan FD / FD-i Maksimum
AUD	6-bulan	2.20% setahun	Amaun mata asing minimum yang bersamaan dengan RM50,000	Amaun mata wang asing maksimum yang bersamaan dengan RM500,000
GBP		0.90% setahun		
HKD		1.60% setahun		
USD		2.80% setahun		

9. Amaun Peletakan FCY FD Minimum ialah amaun mata wang asing yang bersamaan dengan **Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (RM50,000)** dan Amaun Peletakan FCY FD Maksimum ialah amaun mata wang asing yang bersamaan dengan **Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000)**. Jika Amaun Peletakan FCY FD melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing seperti yang dinyatakan di atas dicapai, Amaun Peletakan FCY FD yang melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FCY FD semasa seperti yang ditentukan oleh HLB.
10. Amaun Peletakan FCY FD mesti ditukar daripada Ringgit Malaysia atau mata wang asing lain yang diterima oleh HLB (selain Mata Wang Asing FCY FD). Pertukaran akan berkuatkuasa:
- pada tarikh peletakan FCY FD; dan
 - pada kadar pertukaran mata wang asing semasa (“Kadar Jualan Bank”) pada tarikh peletakan FCY FD atau kadar pertukaran mata wang asing yang lain yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya.
11. Pelanggan Layak dikehendaki menamakan FCA yang dikekalkan dengan HLB di bawah nama Pelanggan Layak (“FCA Namaan”) bagi tujuan mengkreditkan faedah yang diperolehi di bawah Promosi ini.
12. Kadar faedah yang diperolehi bagi FCY FD akan dikreditkan ke dalam FCA Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
13. Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FCY FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar faedah semasa FCY FD masing-masing dan faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam FCA Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang.
14. Pengeluaran sebahagian Amoun Peletakan FCY FD tidak dibenarkan.
15. Jika Amaun Peletakan FCY FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, tiada faedah akan dibayar kepada Pelanggan Layak.
16. Pengeluaran wang tunai FCY FD hanya dibenarkan dalam Ringgit Malaysia:
- FCY FD akan ditukar daripada mata wang asing ke Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran mata wang asing semasa (“Kadar Belian Bank”).
 - Kadar Belian Bank pada masa pengeluaran tunai mungkin lebih rendah daripada Kadar Jualan Bank pada masa peletakan FCY FD. Perbezaan antara Kadar Belian Bank dengan Kadar Jualan Bank akan memberi kesan kepada jumlah pulangan pada peletakan FCY FD. Jika Kadar Belian Bank lebih rendah daripada Kadar Jualan Bank, jumlah pulangan boleh negatif dan Pelanggan akan mengalami kerugian.
17. Amaun Peletakan FCY FD tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

UMUM

18. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
- telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun;
 - keputusan HLB / HLISB atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB / HLISB tidak akan dilayan;

- (iii) mengakses Laman Sesawang HLB www.hlb.com.my / Laman Sesawang HLB www.hlisb.com.my (“Laman Sesawang HLB / HLISB”) secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
 - (iv) faedah / keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau faedah; dan
 - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
19. HLB / HLISB berhak:
- (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab yang dianggap wajar oleh HLB / HLISB menurut budi bicara mutlaknyanya, daripada menyertai Promosi ini tanpa memberi sebarang sebab; dan
 - (ii) membatalkan faedah / keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Bagi Akaun.
20. Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun, maka Terma dan Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
21. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang HLB / HLISB akan diutamakan.
22. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
23. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit adalah layak dilindungi oleh PIDM